

## MANUSKRIP-MANUSKRIP MELAYU DALAM KOLEKSI LIBRARY OF CONGRESS AMERIKA SYARIKAT\*

HARUN MAT PIAH  
Universiti Kebangsaan Malaysia

### PENDAHULUAN

Manuskrip-manuskrip Melayu merupakan sebahagian daripada bahan-bahan budaya Melayu-Indonesia yang terdapat dalam beberapa koleksi di Amerika Syarikat. Sesungguhnya, selain dari manuskrip masih banyak bahan-bahan budaya yang dapat digunakan dalam pengkajian tamadun Melayu terdapat di beberapa perpustakaan dan institusi di Amerika Syarikat. Di Kompleks Muzium Smithsonian Institutions di Washington DC dipamerkan berbagai artifak termasuk alatan pakaian, perhiasan, senjata, alat-alat untuk pekerjaan, pertukangan, pelayaran dan lain-lain. Koleksi yang sama didapati juga di muzium-muzium lain yang telah dilawati termasuk Muzium Chicago dan Muzium Ann Arbor. Lebih menarik lagi di Muzium Chicago dipamerkan ensembel Gamelan Jawa yang lengkap dan yang telah amat tua usianya. Selain dari alatan, para pengunjung ke Muzium itu diberi kemudahan untuk mendengar petikan lagu-lagu Gamelan melalui alat-alat audio yang disediakan. Sesungguhnya Gamelan Jawa amat digemari di Amerika Syarikat. Hampir di semua universiti termasuk Berkeley di California, Cornell di New York dan Universiti Michigan di Ann Arbor, mempunyai ensembel dan pemain-pemain Gamelan yang mahir, malah profesional.

Di beberapa perpustakaan, seperti Perpustakaan Universiti Michigan, Ann Arbor dan Universiti Ohio terdapat buku-buku lama (rare books) yang merupakan naskhah-naskhah pertama, bertarikh antara akhir 1800-an dan awal 1900-an. Antaranya *Sejarah Melayu* atau *Sulalatus Salatin*, *Kisah Pelayaran Abdullah*, *Hikayat Indra Sabha* dan lain-lain. Namun yang cukup menarik ialah koleksi manuskrip-manuskrip Melayu di Library of Congress. Koleksi ini adalah antara yang terawal tetapi masih belum dikaji secara terperinci. A. Teeuw pernah meneliti koleksi ini secara sepintas lalu dan memberikan deskripsi ringkas seperti yang termuat dalam *BKI*, 123, IV (1967), halaman 517-519. Dalam rencana itu A. Teeuw menyatakan dalam kesempatan yang lain beliau akan mengemukakan kajian yang lebih terperinci dan mendalam. Bagaimanapun sehingga ini beliau masih belum berkesempatan untuk melakukannya.

---

\* Rencana ini ditulis berdasarkan pengalaman penulis semasa membuat tinjauan dalam rangka penyelidikan terhadap bahan-bahan budaya Melayu-Indonesia dalam koleksi-koleksi Amerika Syarikat. Penyelidikan itu dibiayai oleh Universiti Kebangsaan Malaysia, merupakan sebahagian daripada tugas penulis semasa bertugas sebagai Asian Scholar-in-Residence di Universiti Michigan, Ann Arbor, Amerika Syarikat sepanjang tahun 1984.

## KOLEKSI MANUSKRIP

Terdapat lapan buah manuskrip dalam koleksi ini. Seluruhnya, seperti juga buku-buku lama yang masih belum dikatalog itu adalah dari kepunyaan seorang pengumpul atau penyumbang, mungkin Encik Alfred North atau salah seorang dari teman-temannya. Alfred North seorang mubaligh yang pernah bertugas di Singapura dan mendakwa telah membimbing dan menggalakkan Abdullah dalam menulis autobiografinya, iaitu *Hikayat Abdullah*. Kebanyakan manuskrip dalam koleksi ini merupakan salinan yang ditulis sendiri oleh Abdullah untuk Encik Alfred North.

Menurut A. Teeuw seluruh manuskrip bersama buku lama tersebut memakai tanda 'Smithsonian Deposit', menunjukkan pemunya asal koleksi tersebut telah menjual atau menghadiahkannya kepada Smithsonian Institutions. Koleksi Smithsonian ini kemudiannya telah diserapkan ke dalam Library of Congress sejak beberapa lama dulu.

Di bawah ini diberikan deskripsi ringkas manuskrip-manuskrip itu berdasarkan maklumat yang terdapat pada naskhah-naskhah tersebut dan catatan ringkas yang diberikan oleh pemilik atau pustakawan mengenai teks-teks berkenaan.

1. No. 689:1 diberi judul 'Kinta Buhan'; sebenarnya *Syair Ken Tambuhan*. Ukuran kuarto, 146 halaman, 17 baris setiap halaman, 12 perkataan sebaris. Teks ini merupakan salah sebuah cerita Panji. Pada catatan manuskrip itu dinyatakan:

A poem from which the extract is taken on page 193 of Marsden's Malay Grammar. Most beautifully and correctly copied by Abdullah ben Abdulkadir, a learned native of Malacca, at Singapore, 1838.

2. No. 689:2 'Isma Dewa Pakurma Raja'; iaitu *Hikayat Isma Dewa Pekerma Raja*; berukuran folio, 393 halaman, 19 baris setiap halaman, 17 perkataan sebaris. Pada catatan, disebutkan:

An ancient romance exceedingly rare, brought from Kelantan, a kingdom on the east coast of the Malay Peninsula, by Abdullah ben Abdulkadir, a learned native of Malacca, and copied at Singapore, 1838. Though he had copied a vast number of books and supposed he know of about everything of the kind in the language, he had never heard of this. This is the book mentioned on page 94 of the journal of his trip to Kelantan printed at Singapore in 1838.

3. No. 689:3 'Khoja Maimon'; iaitu *Hikayat Khoja Maimon* atau lebih terkenal sebagai *Hikayat Bayan Budiman*. Berukuran folio, 181 halaman, 18 baris setiap halaman, 17 perkataan sebaris. Pada catatan disebutkan:

A tale translated from the Persian. Copied by Abdullah ben Abdulkadir, a learned and very accurate Malay. Singapore, 1837.

4. No. 689:4 'Amir Hamza'; iaitu *Hikayat Amir Hamzah*, sebuah epik dari sumber Islam yang cukup popular. Ukuran folio, 613 halaman, 19 baris setiap halaman, 18 perkataan sebaris. Catatannya menyebutkan:

An ancient Malay romance, giving an account of the numerous battles and adventures of its hero, Hamzah. It is high repute among the Malays, but being very expensive, is rare. Copied at Riau, on the Island of Bintang, East Indian Archipleago, 1838.

5. No. 689:5 'Annals of the Kings of Johore', iaitu *Hikayat Johor* atau *Salasilah Raja-Raja Johor*; ukuran kuarto, 57 halaman, 15 baris setiap halaman, 12 perkataan sebaris. Catatannya menyebutkan:

Annals of the kingdom of the kings of Johore, a kingdom on the Southern extremity of the Peninsula of Malacca. Copied by Abdullah ben Abdulkadir, a learned and accurate native of Malacca, at Singapore, 1838.

6. No. 689:6 'History of Patani', iaitu *Hikayat Patani*, salah sebuah karya sastera sejarah mengenai kerajaan Melayu Patani atau Langkasuka. Teks ini telah digunakan oleh A. Teeuw dan D.K. Wyatt untuk edisi dan kajian mereka *The History of Patani*. Manuskrip berukuran folio, 94 halaman, 18 baris setiap halaman, 12 perkataan sebaris. Pada catatannya disebutkan:

History of Patani, a kingdom on the east coast of the Peninsula of Malacca, near the Siam boundary. Copied by Abdullah ben Abdulkadir a learned and accurate native of Malacca, at Singapore, 1839.

7. No. 689:7 'Muhammad Hanafia'; iaitu *Hikayat Muhammad Hanafiah*. Ukuran folio, 240 halaman, 19 baris setiap halaman, 19 perkataan sebaris, merupakan salah satu daripada teks yang digunakan oleh Lode Brakel dalam edisi dan kajiannya, *The Hikayat Muhammad Hanafiah – A Medieval Malay-Muslim Romance*, Bibliotheca Indonesica, 12 (1975). Dalam catatan disebutkan:

Muhammad Hanafia (or Anafia) consisting translations concerning Mohamet and his friends, a book in high repute among the Malays, but not so interesting to those who wish to study Malay history and the Malay character, as Isma Dewa Pakerma Raja, the Sejarah Melayu, and other books of traditions not mixed up with Mahometanism, and not derived from the Arabic. Copied at Singapore in 1838 or 1839.

8. No. 689:8 'Hikayat Abdullah'. Ukuran folio, 23 baris setiap halaman, 22 perkataan sebaris. Merupakan salinan asal daripada *Hikayat Abdullah*, kononnya disalin oleh seorang Bugis. Teks ini disertai dengan 4 halaman surat daripada Encik Alfred North kepada salah seorang sahabatnya; menceritakan mengenai Abdullah dan sumbangan Alfred North sendiri dalam membimbing dan menggalakkan Abdullah menulis autobiografinya. Surat itu bertarikh Oktober 1843.

#### PEMERIAN MANUSKRIP

##### Syair Ken Tambuhan

Melihat daripada isinya teks syair ini tidak jauh berbeza dari edisi A. Teeuw (Oxford University Press 1966). Menurut A. Teeuw versi ini lebih mendekati versi S (Singapura) yang lebih banyak menceritakan Ken Tambuhan semasa kecil. Bahagian awal syair ini berbunyi demikian:

Alkisah suatu riwayat  
Orang yang dahulu empunya hikayat  
Madahnya tiada banyak ibarat  
Sekadar kias juga disurat.

Fakir nan tuan tidaklah ingat  
 Madahnya banyak berpangkat-pangkat  
 Hati yang senang jadi gelorat  
 Pekerjaan yang hairan jadi teringat.

Inilah ceritera Ken Tambuhan  
 Barang yang mendengar belas dan kasihan  
 Puteri ratu menjadi tawanan  
 Jika sungguh khabar demikian.

Setengah menjadi berhati rawan  
 Mendengarkan madah Ken Tambuhan  
 Terkenangkan Puteri ratu bangsawan  
 Bagaikan sungguh di dalam perasaan.

Ada setengah belas dan sayang  
 Rasanya hati bagai dilayang  
 Parasnya seperti gambar wayang  
 Wartanya masyhur sampai sekarang.

Seterusnya diceritakan kisah Ken Tambuhan dilahirkan sebagai Galuh Canderakirana, Puteri Ratu Daha, timang-timangnya Galuh Puspa Kencana, ketika usianya 13 tahun ia disambar Betara Kisna, dibawa ke Gunung Wilis bersama dua orang pengasuh. Di sana ia ditemui oleh Ratu Kuripan yang sedang berburu lalu dibawa ke istananya, disuruh bertemun sehari-hari. Ia kemudian ditemui oleh Raden Inu Kertapati, putera Ratu Kuripan yang sedang menyumpit burung di Taman Larangan di mana Puteri ditempatkan bersama puteri-puteri tawanan yang lain. Keduanya bertemu, bermesra dan berkahwin tanpa persetujuan Ratu dan Permaisuri Kuripan. Permaisuri Ratu Kuripan mengatarkan pelebaka membunuh Ken Tambuhan ketika Inu berburu di hutan dengan kehendak Permaisuri. Mayat Ken Tambuhan dihanyutkan di dalam rakit untuk ditemui oleh Inu Kertapati. Inu membunuh diri dan menyebabkan seisi istana berdukacita. Ratu Kuripan memurkai Permaisuri dan memerintahkan Pelebaka dibunuh bersama anak isterinya: "seorang pun tidak ditinggalkan, hancur tiada bersela".

Mayat keduanya diletakkan di sebuah candi, diratapi dan dipohonkan dari para dewa supaya dihidupkan kembali. Betara Guru memerintahkan Betara Kala mendapatkan gendapurawangi dari teman keinderaan. Dengan susah payah Betara Kala mencarinya hingga akhirnya didapati, iaitu dari air susu Dewi Sakurba. Inu dan Galuh dihidupkan kembali. Istana Kuripan bergembira lalu dimulai kerja untuk perkahwinan mereka. Dalam pada itu diceritakan Ratu Daha yang sedang berdukacita kerana telah tiga tahun kehilangan puterinya dan mendapat tahu bahawa Ken Tambuhan adalah anaknya. Sang Ratu datang ke Kuripan untuk menyertai pesta perkahwinan yang gilang gemilang. Inu dilantik menjadi ratu bagi Kuripan dan Daha. Demikianlah:

Selamat sempurna ratu'kedua  
Tiadalah kiranya mara dan bahaya  
Sebarang perintah anakanda jua  
Dua buah negeri banyak pegangnya.

Sekelian ratu di Tanah Jawa  
Segenap tahun mengantar baginda  
Beribu laksa emas dibawa  
Dibalas persalin baginda pula.

Tamatlah ceritera Ken Tambuhan  
Dagang yang daif menyuratkan  
Khatnya tidak ada berketahuan  
Tuan menyuruh maka dibuatkan.

Tamatlah syair ini dalam negeri Singapura kepada dua haribulan Zulhijjah, tarikh sanat 1253 (iaitu kira-kira 1837 M).

### **Hikayat Isma Dewa Pekerma Raja**

Hikayat ini bermula demikian:

Bismillah al-Rahman al-Rahim

Sebelum masuk beradu maka Raja Qamar Jeluspun membaca suatu manteranya lalu diazamnya menuju kepada Dewa Pekerma Raja supaya Isma Dewa Pekerma Raja mengantuk. Setelah sudah ditiupnya manteranya kepada Indera Dewa Pekerma Raja maka ditiupnya pula kepada segala raja-raja dan menteri hulubalang yang di Balai Kesaktian itu. Setelah sudah maka dinantinya akan Indera Dewa Pekerma Raja dan segala raja-raja itu mengantuk tiada juga ia mengantuk dan segala yang di Balai Kesaktian itupun demikian juga. Maka Raja Jin Qamar Jeluspun hairanlah akan dirinya; (katanya) di dalam hatinya, "Kalau orang bawa pergi datang inilah gerangan maka tiada mustajab mantera aku ini." Dinantinya juga . . . .

Di akhir hikayat itu di halaman 393 berbunyi demikian:

Syahdan sekalian raja-raja itu semuanya menghantarkan upi negerinya ke bawah duli baginda, terlalu takut dan kasih segala raja-raja itu akan baginda. Syahdan akan baginda dengan isterinya keempat itu pun terlalu berkasih-kasihannya ditimbang baginda sama juga tiada lebih kurang. Adapun akan baginda Syah Mengindera Pekerma Dewa selamanya baginda kerajaan itu baginda sediakala berkhialwat berbuat bakti kepada Tuhan sarwa alam juga. Demikianlah diceriterakan oleh orang yang empunya cerita ini. Berhenti kisahnya Hikayat Isma Dewa Pekerma Raja tamatlah sudah hikayat ini. Kati-bullah al Fakir Husin bin Ismail.

### **Hikayat Khoja Maimon atau Hikayat Bayan Budiman**

Teks ini merupakan salah satu versi hikayat ini yang sudah cukup lama terkenal dan amat tua usianya. Fragmen daripada hikayat ini yang terdapat dalam koleksi Bodleian di Oxford mengandungi unsur-unsur purba pada ejaan dan kosakatanya membuktikan hikayat ini telahpun terkenal semasa kerajaan Melayu Melaka. Terjemahan-terjemahan awal yang dibuat dari bahasa asalnya iaitu Parsi mungkin telah dilakukan sebelum itu, sama seperti yang berlaku pada hikayat-hikayat Amir Hamzah dan Muhammad Hanafiah yang diterje-

mahkan terus dari versi Parsi. Walau bagaimanapun koleksi Library of Congress ini tidak lagi mengekalkan unsur-unsur purba itu. Abdullah Munsyi yang menyalin teks ini mungkin telah menggunakan salah satu daripada versi-versi hikayat ini yang lebih terkemudian.

Permulaan hikayat ini berbunyi demikian:

Bismillah al-Rahman al-Rahim

Wabihi nasta'inu billah al-a'la. Ini hikayat cetera daripada sahibul hikayat yang dahulu-dahulu daripada bahasa Parsi dipindahkan kepada bahasa Jawi. Kata sahibul hikayat itu sebermula adalah seorang saudagar kepada sebuah negeri 'Ajam, Khoja Mubarak namanya, terlalu amat kaya; tetapi saudagar itu tiada beranak. Maka iapun terlalu amat hasrat hendak akan anak. Maka Khoja Mubarakpun berkaul, katanya, "Insya Allah taala jikalau dianugerahkan Allah taala akan daku anak bahawa aku akan memberi sedekah makan akan segala fakir dan miskin serta memberi makan darwis."

Cerita seterusnya sama seperti versi R. O. Winstedt (1920) dan seperti yang dibicarakannya dalam bukunya (Winstedt 1969: 114–118). Hikayat ini berakhir di halaman 183, dengan nasihat dari penyalin:

Demikianlah Qadi Hasan mengajar anaknya, serta diceterakannya hikayat ini akan jadi teladan pada hari yang kemudian kepada segala arif billah akan jadi penyuluh pada malam yang kelam dari kerana akal manusia itu ada kalanya dikelubungi zalimat. Maka oleh segala yang berakal sigiannya hendaklah oleh segala ikhwan perempuan, lelaki yang membaca dan mendengar fikirkan ibarat yang di dalam hikayat orang yang dahulu-dahulu kala supaya dimudahkan Allah hilang segala zalimat dan kelam serta dibukakan Allah taala kalbu dengan nurul hidayat dan 'inayat Allah, minal dunia al-darul akhirah, amin.

Tamatlah hikayat Bayan Budiman ini dalam negeri Singapura kepada sepuluh haribulan Rabiul Akhir yaumul Ahad tarikh sanat 1253.

Wakatibuhu Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi. (Tarikh 10 Rabiul Akhir hijrah 1253 bersamaan dengan 31 Oktober 1837; tetapi hari Rabu; bukan Ahad).

### Hikayat Amir Hamzah

Hikayat ini bermula begini:

Bismillah al-Rahman al-Rahim

Wabihi nasta'inu billahi 'ala. Ini hikayat Amirul Mukminin Hamzah radzi Allahu 'anhu yang amat indah-indah perkataan dan masyhur namanya pada segala alam dan ialah raja segala laki-laki yang tiada berlawan di tengah medan. Maka barangsiapa membaca dia serasa mendengar orang membaca Quran tiga puluh jus demikianlah pahlanya.

Versi ini tergolong sebagai yang tua dan mendekati yang asal dengan mengekalkan syair dan madah dalam bahasa Parsi diikuti terjemahannya dalam bahasa Melayu, misalnya di bahagian-bahagian permulaan cerita; dipetik sebagai contoh:

Maka amirul mukminin Abas pun menceterakan kisah ini kepada segala sahabat Rasulullah, maka seperti syair:

محمد کر برمعدان کافي والنون

yakni Muhammad itu kelebihan daripada Kaf dan Nun

جواتنك سمشي فاكراندروان

yakni apabila hati duka maka bacalah hikayat ini nescaya hilang duka.

جك بعاس كنتي حكاية تجوند

yakni daripada kata Abas ber-cetera tuntuti oleh kamu.

كرليست احيا عمر مكلر

yakni bahawa hikayat ini menyu-kan hati sekalian orang menghilangkan segala kesukar-an dalam dunia.

چون يت عباس كفتي مر سراكدر

yakni telah dikatakan oleh Abas daripada zaman yang telah lalu.

كعبدر حمزه روسستي  
طكست

yakni peri mengatakan oleh Abas cetera Hamzah tatkala masa yang telah lalu itu.

اكرجه زواياحاة نوسرون  
ب ملك خوبياس دروكى  
واعراق وما تنداست

yakni dalamnya peri mengatakan cetera raja Nusyirwan dan segala raja-raja banyak dan daripada raja-raja Rom dan raja Irak dan segala raja-raja yang lain.

Seterusnya hikayat itu menceritakan kisah Amir Hamzah dari masa kecil hingga wafatnya dalam peperangan Uhud menentang kaum kafir. Keseluruhannya hampir sama dengan versi-versi yang lain termasuk versi Dewan Bahasa dan Pustaka dan versi Sri Lanka. Akhir hikayat itu berbunyi demikian:

Maka sabda Rasulullah sallallahu alaihi wasallam, "Hai Quraisy Peri, tengadahlah engkau ke langit, lihatlah bapamu." Maka Quraisy Peri pun menengadah ke langit maka dilihatnya akan bapanya Amirul Mukminin Hamzah memakai pakaian keemasan dan mahkota yang indah-indah bertatahkan ratna mutu maknikam duduk di atas perarakan yang indah-indah diarak oleh segala Malaikat ke langit. Setelah dilihat oleh Quraisy Peri akan bapanya yang demikian itu maka Quraisy Peripun mengucap seribu syukur ke hadirat Allah taala Tuhan Rabbul Ghafur. Kemudian maka Quraisy Peri pun bermohonlah kepada Nabi Allah kembali ke Bukit Qaf dengan segala bala tenteranya sekalian. Demikianlah pada kaul ini tetapi hamba tiada bertemu dengan awal bunyinya sehingga mengikuti teladannya daripada surat orang yang sedia itu. Wallahu a'lamu bissawab. Tamat hikayat Amir Johan Pahlawan Alam ghafurullah lina walahum. Amin.

### Hikayat Johor atau Salasilah Raja-Raja Johor

Dimulai dengan:

Bahawa iai suatu kitab pada menyatakan salasilah dan keturunan raja-raja Johor daripada masa al Rahmi tarikh sanat 1083.

Kata Sahibul Khir kemudian daripada alah Johor oleh Jambi pada hijrah seribu delapan puluh tiga tahun maka Sultan Abdul Jalil Syah Raja Muda semayam di Pahang dan Laksamana Tun Abdul Jamil dititahkan ke Bentan. Maka Laksamana berbuat negeri di sungai Carang, disebut orang Riau.

Dan akhir, di halaman 57, berbunyi demikian :

Maka segala perahupun mudiklah lalu ke Lumut. Sampai ke Lumut maka orang Perak pun membedillah, tiada dibalas. Sampai tiga hari membedil baharu dibalas. Diapun lari-lah; kubunyapun diambilah dan segala rakyatnya pun diambilah. Maka tiadalah fakir panjangkan kalamnya. Maka tiadalah tentu antara Perak dengan Selangor. Kemudian daripada itu maka Duli Yang Dipertuan Selangorpun berangkatlan ke Selangor dengan paduka adinda sekelian dan paduka anakanda sekelian. Setelah sampailah ke Selangor maka paduka Adinda Raja Jaafar dan adinda Raja Idris maka dititahkan paduka kekan- da Yang DiPertuan duduk di Kelang berbuat tempat.

Itulah adanya.

### **Hikayat Patani**

Di permulaan hikayat dinyatakan :

Bismillah al-Rahman al-Rahim

Inilah suatu kisah yang diceterakan oleh orang tua-tua asal raja yang berbuat negeri Patani Darus Salam itu. Adapun raja di Kota Maligai itu namanya Piatu Krub Mahajan. Maka Piatu Krub Mahajan pun beranak seorang laki-laki; maka dinamai anakanda baginda itu Piatu Antara. Hatta beberapa lamanya maka Piatu Krub Mahajan pun matilah. Syahdan maka Piatu Antara pun kerajaan menggantikan ayahanda baginda itu; ia menamai dirinya Piatu Nakfa.

Dan di akhir, di halaman 94 berbunyi demikian :

Bahawa tamatlah kitab Undang-Undang Patani ini disalin dalam negeri Singapura kepada sembilan haribulan Sya'aban tahun sanat 1254 iaitu kepada enam belas haribulan Oktober tahun masihi sanat 1839. Tamat adanya.

Adapun yang empunya kitab ini Tuan North adanya.

### **Hikayat Muhammad Hanafiah**

Seperti *Hikayat Amir Hamzah*, hikayat ini juga tergolong sebagai yang amat terkenal dan telah cukup tua usianya. Versi yang asal merupakan terjemahan langsung daripada bahasa Parsi. Mungkin kerana jalan bahasa dan kosakata yang berunsur Timur Tengah ini menyebabkan pengumpul atau pihak perpustakaan yang menyimpan koleksi ini memberikan catatan bahawa karya ini tidak menarik, dibandingkan dengan *Hikayat Isma Dewa Pekerma Raja* yang disebutkan di atas tadi.

Bahagian awal hikayat ini berbunyi begini :

Bismillah al-Rahman al-Rahim

Alhamdu Rabbul Alamin wal 'inqibatu lil muttaqin, wassalati wassalam 'ala Rasulika Saiyidina Muhammad alihi wasahbihi ajma'in. Amma ba'du. Adapun kemudian daripada itu bahawa sesungguhnya wabihi nasta'inu billahi 'ala; ini hikayat Rasulullah. Qalan nabi sallalahi 'alaihi wasallam: Awwalu ma khalaqallah ta'ala nuri. Sabda nabi Sallallah alaihi wasallam, "Pertama-tama dijadikan Allah taala cahayaku". Maka jadilah Nur Muhammad itu terlalu amat bersih gilang gemilang, cemerlang, terperling, terserlah, maha sempurna seperti maknikam dalam kandil ma'laq tergantung pada qalam . . .

Sementara di akhir, di halaman 240 dinyatakan :

Setelah sudah maka segala saudara baginda Muhammad Hanafiah pun masing-masing kembalilah ke tempatnya. Telah keesokan harinya maka saudara Amirul Mukminin Muhammad Hanafiah dan segala lasykarnyapun pergilah sembahyang ke masjid baginda



Rasulullah sallallahu alaihi wasallam. Pada hari itu hari Jumaat; maka segala orang benua Madinah pun berhimpunlah pergi sembahyang ke masjid Rasulullah sallallahu alaihi wasallam.

Wasallallahu ala khairu khalqahu saiyidina Muhammad wasahbihi wasallamu tasiama birahmatikaya ar-rahman al-rahim.

Watabak Allah al faqir  
Husin bin Ismail.

### **Hikayat Abdullah**

Merupakan antara versi Hikayat Abdullah yang terawal; disalin oleh seorang Bugis, tetapi tidak dinyatakan namanya. Keseluruhan isinya sama seperti edisi W. G. Shellabear, (Singapura, Malaya Publishing House, 1907 dan 1908).

Awal hikayat berbunyi demikian:

Bismillah al-Rahman al-Rahim

Bahawa maka adalah kepada tatkala hijrah sanat 1256 tahun kepada lima likur hari-bulan Sya'aban al Mukarram iaitu kepada dua likur haribulan Oktober tarikh masihi sanat 1840 tahun maka dewasa itu adalah seorang sahabatku yang kukasih akan dia maka adalah ia meminta sangat kepadaku iaitu hendak mengetahui akan asal usulku dan peri hikayat segala hal kehidupan diriku adanya. Ia minta karangkan suatu kitab dengan bahasa Melayu. Maka adalah sebab segala hal dan perkara yang tersebut itu menjadi masyghullah aku sebab duduk berfikir kehendak kekasihku yang demikian kerana segala hal ehwal yang tersebut itu semuanya perkara-perkara yang telah lalu zamannya . . .

Dan di akhir, di halaman 209 dinyatakan:

Maka adalah pada fikiranku bukannya salah anak-anak itu kerana ia melihat tauladan daripada ibu bapanya itulah diturutnya kerana mereka itu kecualinya tahu ia beranak akan tetapi ia tahu mengajar anak; menjadilah halnya itu kesudahan-kesudahannya seperti sephoon racun adanya; maka barangsiapa memakan buahnya kelak dapat tiada merasai penyakit dan dukacita juga pada hatinya bahawasanya kuringkaskan perkataannya dengan sebesar-besar harapku mudah-mudahan mereka itu mengambil ibarat akan nasihatku ini adanya.

### **Hikayat Isma Dewa Pekerma Raja**

Naskhah ini dapat dianggap sebagai yang paling menarik dalam koleksi ini. Ia merupakan satu-satunya hikayat ini kerana tidak terdapat dalam mana-mana koleksi lain di dunia. Selain dari itu tidak terdapat kajian-kajian mengenainya dilakukan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu seperti Winstedt, Voorhoeve, Wilkinson dan Sturrock yang cukup berminat dan produktif dalam bidang kajian dan dokumentasi manuskrip-manuskrip Melayu.

Dalam catatan pada naskhah tersebut dinyatakan bahawa hikayat ini diperolehi oleh Abdullah Munsi semasa perjalanannya ke Kelantan; dan ini dinyatakan oleh Abdullah sendiri dalam karyanya, *Kesah Pelayaran Abdullah* (W.G. Shellabear 1907). Kononnya Abdullah sendiri, walaupun mempunyai pengetahuan yang cukup luas mengenai naskhah-naskhah dan buku-buku Melayu ketika itu, beliau tidak pernah mendengar tentang hikayat ini.

Justeru itu ada baiknya dibicarakan di sini dengan agak terperinci beberapa aspek dari hikayat itu. Mula-mula kita ikuti ringkas: ceritanya:

Kisah bermula dengan aksi seorang Raja Jin, Raja Qamar Jelus akan menculik protagonis hikayat ini, Isma Dewa Pekerma Raja; tetapi tidak berjaya. Qamar Jelus lalu melarikan rakan sekutu wira, Syahrums Dewa Perba Daksa kerana Syahrums Dewa juga merupakan musuh ketat watak antagonis. Isma Dewa dengan saudara-saudara dan bala tenteranya mengetahui hal itu tetapi tidak dapat berangkat segera kerana ayahanda Wira sedang mengaturkan kerja kahwin Wira dan saudara-saudaranya. Setelah selesai istiadat itu barulah mereka dapat berangkat.

Qamar Jelus yang melarikan Syahrums Dewa melayang di udara; ketika melintasi antara Laut Sabnan dengan Laut Kalzum, Syahrums sedar lalu mencekik Damar Jelus. Keduanya jatuh ke laut Sabnan, lalu ditelan oleh seekor naga yang amat besar, Naga Mahadur Gangga. Raja Jin, Tabar Syah yang mengaturkan rancangan itu tersangat murka lalu bersiap sedia akan menyerang Desa Berangga, negeri Wira. Dalam pada itu angkatan Isma Dewa telah tiba ke sana tetapi tidak berjaya menemui Syahrums Dewa. Mereka pergi meminta pertolongan ahli nujum, Maharaja Perba Suara. Nujum memberitahu bahawa yang dapat mengalahkan naga ialah Siasang Mahabat, seorang anak raja kera yang asalnya manusia juga. Mereka mendapatkan pertolongan Siasang yang berjaya membunuh naga dan mendapatkan kembali Syahrums Dewa. Mereka bertekad akan memerangi tentera Raja Jin.

Persiapan perang diatur di kedua pihak, dengan dibantu oleh sekutu masing-masing. Dalam pada itu seorang putera raja dewa di Gunung Mercu Mega, Raja Dewa Jemala Indera ingin mengahwini Tuan Puteri Cahaya Norlela di negeri Zamin Khairani—negeri sekutu Isma Dewa. Permintaannya ditolak, lalu bersedia untuk berperang dan meminta bantuan Isma Dewa.

Kemudian perang pun berlaku dengan amat hebat, masing-masing menunjukkan kegagahan, menyamar, mengintip musuh, beradu kesaktian dengan bantuan senjata, ilmu dan kuasa-kuasa ghaib. Puteri dari pihak musuh menyamar sebagai lelaki, melarikan isteri-isteri Isma Dewa dan puteri-puteri dari pihak Wira. Tetapi dapat ditewaskan oleh Wira yang menyamar sebagai perempuan hingga akhirnya Sang Puteri sendiri menjadi kepunyaan Wira. Dalam kesesakan mengadap perang sempit pula mereka bermesra dan berbalas pantun. Kemudian Wira melarikan pula puteri-puteri dari pihak musuh menyebabkan mereka bertambah marah dan berikrar akan menyelesaikannya di medan perang.

Dengan begitu perang menjadi amat sengit. Kedua pihak menggunakan seluruh kekuatan dan kuasa mistik yang ada. Pihak musuh mulai tewas, satu demi satu wira mereka gugur di medan perang kerana mereka berikrar untuk mati. Yang tidak mati lalu menyerah dan meminta damai. Wira yang menang memasuki negeri musuh, mengeluarkan puteri-puteri dari cembul manik dan menciptakan istana-istana untuk mereka. Kemudian datang pula harta-harta rampasan dan hadiah dari negeri-negeri yang baru tertakluk. Isma Dewa kemudian bersiap pula untuk kembali ke negerinya bersama bala tenteranya yang amat besar. Dalam perjalanan ia mau mengadap nindanya Baginda Syah Bisnu Indera Sakti di Gunung Mercu Kemala. Melalui ramalnya Baginda Syah Bisnu mendapat tahu dan bersedia akan menemuinya.

Dalam pada itu Maharaja Belia Sakti, bapa kepada Mahabat, ingin menemui Isma Dewa, justeru hanya Isma Dewa yang dapat mengembalikannya dari bentuk kera kepada manusia. Bila mereka bertemu masing-masing menggunakan muslihat dan kuasa sakti, hingga Belia Sakti dapat kembali menjadi manusia. Tetapi Mahabat tetap dengan bentuk kera kerana ia tidak berasal dari manusia. Selesai peristiwa itu Isma Dewa bertemu dengan nindanya Syah Bisnu dalam suasana mesra dan dipenuhi berbagai keajaiban.

Isma Dewa dan tenteranya menyambung perjalanan. Ayahandanya telah mendapat tahu hal itu dari Syah Bisnu bersiap pula untuk menyambutnya. Dengan kehendak Syah Bisnu perjalanan yang jauh menjadi dekat, lalu tibalah angkatan itu ke negeri asalnya. Pesta yang meriah diadakan dengan perarakan dan jamuan. Wira dimandikan lalu dikahwinkan sekali lagi secara rasmi dan dilantik menjadi raja, diberi gelar Sultan Syah Alam Dewa Asmaraja. Keempat isterinya juga masing-masing bergelar Permaisuri: Tua, Tengah, Muda dan Bungsu. Rakan-rakan sekutunya juga diberi gelar; pesta diteruskan dengan Paduka Sultan memberi sedekah kepada fakir miskin hingga mereka menjadi

kaya raya. Para sahabat kembali ke negeri masing-masing, tinggallah Paduka Sultan memerintah dengan adil, makmur dan berkasih-kasihan.

Ternyata hikayat ini tergolong ke dalam genre 'hikayat' yang menyerapkan unsur-unsur Hindu dan Islam. Kalau menurut pembahagian Winstedt ia tergolong sebagai karya di Zaman Peralihan. Di dalamnya kita menemukan nama-nama watak yang terbiasa dalam hikayat-hikayat dari sumber India, termasuk unsur 'MahaBisnu' sebagai kuasa yang tertinggi dan mutlak. Maharaja Belia Sakti yang berasal dari manusia tetapi disumpah menjadi kera; anaknya Mahabat yang hampir sama peranannya dengan Hanuman dalam Siklus Seri Rama. Wujudnya watak-watak 'pleroma', protagonis, antagonis dan watak-watak pembantu dengan peranan masing-masing. Di sana sini berlaku penjelmaan watak menjadi berbagai bentuk dengan tujuan-tujuan tertentu.

Unsur-unsur Islam terletak pada nilai, konsep, sikap dan pegangan hidup semua watak; di samping perujukan kepada nama dan kekuasaan Allah. Jika nama-nama watak, tempat dan negeri diganti dengan set yang umum dalam karya-karya berunsur Islam, mungkin kita tidak melihat kesan-kesan India yang di sini agak menonjol. Di samping itu tidak kurang pula unsur-unsur tempatan yang menjalin keseluruhan cerita. Latar geografi, sosial dan budaya pada nama-nama tempat, watak, pakaian, alat senjata dan babak-babak peperangan. Nama-nama negeri jelas merupakan warisan dari cerita-cerita lisan berbaur dengan latar India, Timur Tengah dan alam khayalan. Zamin Dura Alam, Desa Khaldun Bahana, Laut Kalzum, Bukit Jabal Kaus, Rimba Rihai Ajaib, Gunung Mercuri Mega, Gua Senja Zalmat, Desa Sinaran Cahaya, Desa Rantau Panjang, Tasik Laut Tujuh dan beberapa yang lain adalah nama-nama tempat yang membawa ingatan kita kepada cerita-cerita lisan termasuk dari Siklus Seri Rama, Pendawa Jaya dan cerita-cerita wayang. Demikian juga nama-nama watak pembantu Nabat Syahrumsyah, Puteri Indera Maya Gading, Puteri Persuratan Kemala Dewi, Raja Jin Tabar Syah Johan, Qabad Syahrin, Sultan Paduka Dewa Syah Alam disejajarkan dengan nama-nama yang masih tebal unsur-unsur Indianya seperti Puspa Ratna Kemala, Mengindera Ratna Kemala, Jamanjami Raksamala, Kardan Syah Bujangga Dewa dan lain-lain.

Unsur-unsur hikayat yang tipikal hampir tidak membezakan hikayat ini dengan karya-karya lisan yang bersifat lokal. Peperangan yang bertele-tele, ungkapan yang diulang, sejajar atau tidak dan penceritaan yang terperinci adalah antara ciri-ciri Sastera Hikayat Melayu. Perhatikan sebuah contoh:

Syahdan Syahrumsyah Dewa Perba Daksa pun keluarlah dari Gua Senia Zalmat itu dan Raja Jin Tabar Syah Johan dan Raja Jin Qabad Syahrin pun keluarlah dari Desa Gua Empat Benderang itu dan Nabat Syahrumsyah pun keluar dari Desa Sinaran Cahaya dan Mambang Indera Mengernapun keluarlah dari Tasik Laut Tujuh dan Raja Mambang Mengerna Lela pun keluarlah dari Tasik Bahrul Qa' dan Raja Mambang Indera Segara pun keluarlah dari Desa Rantau Panjang dan segala anak raja-raja yang kurang se empat puluh itupun keluarlah masing-masing dari desanya. (hlm. 103)

Sesuai dengan sifatnya sebagai hikayat berunsur lisan, kita temui pula pantun-pantun yang indah dan tipikal, baik pada bentuk maupun pada kon-

teksnya. Wira yang sedang menyamar pergi menemui Puteri dari pihak musuh. Kecantikan Sang Puteri menggoda Wira yang terus jatuh cinta. Dengan ilmu guna-guna, Puteri pun menyerah (walaupun tidak melampaui batas). Dan dalam suasana mesra mereka bertukar pantun:

Hanyut nafas kayu yang pulih  
Jawa merakat di dalam pilang  
Seorang lepas seorang tak boleh  
Jiwa semangat menurut hilang.

Orang Kedah menikam penal  
Sayang tertikam ikan tenggiri  
Sungguh sudah kami mengenal  
Tidak disangka pula ke mari.

Dari Palembang ke Inderagiri  
Mengadap pun belang berdirir  
Jadi pun abang balik ke mari  
Mendengar tuan berbalik fikir.

(hlm. 271–273)

#### REKONSTRUKSI CERITA

Agak sayang hikayat ini sesungguhnya tidak begitu lengkap. Ini dinyatakan dalam catatan dan pemerian yang diberikan oleh A. Teeuw. Ternyata beberapa halaman awal malah mungkin suatu bahagian cerita yang panjang telah hilang. Kita tiba-tiba sahaja dibawa kepada kisah seorang Qamar Jelus yang sedang melakukan sihirnya terhadap watak protagonis Isma Dewa Pekerma Raja. Siapakah mereka dan apakah yang telah berlaku sebelumnya yang menyebabkan Qamar Jelus begitu bersungguh mau menculik Wira. Apakah hubungan watak-watak 'pleroma' yang disebut selepas itu dan siapakah yang mendalangi seluruh cerita.

Namun, setelah mengikuti cerita ini dengan sabar dan teliti, kita masih dapat membuat rekonstruksi secara umum, sekadar mau memahami jalinan cerita seterusnya. Tentunya sebelum itu telah berlaku konflik antara watak-watak pleroma dengan watak-watak antagonis; dan yang utamanya pihak protagonis diketuai oleh Isma Dewa Pekerma Raja. Sementara Qamar Jelus dan Raja Tabar Syah Johan dari kaum Jin, di pihak lawan.

Jauh sebelum itu watak utama mungkin telah pun diperkenalkan. Ia adalah putera kepada Raja Dewa Indera Laksana, seorang raja dari pihak dewa, memerintah Desa Berangga Puri. Mungkin Wira telah dilahirkan dalam suasana istimewa, dengan tanda-tanda alam diikuti ramalan para nujum. Ia kemudian dipertemukan dengan Puteri Kayangan melalui mimpi atau suasana mistik yang mengagumkan. Namun Sang Puteri dilamar pula oleh watak antagonis dari kaum Jin. Maka berlakulah peperangan sengit yang melibatkan raja-raja dari pihak manusia, para dewa dan kaum Jin. Tentu saja kemenangan dicapai oleh protagonis dari pihak dewa, iaitu Isma Dewa Pekerma Raja. Syahrudin Dewa Perba Daksa telah membunuh watak utama dari kaum Jin

yang diketuai oleh Raja Tabar Syah Johan dari Kota Khalidun Bahana. Dan Isma Dewa menggagalkan Maharaja Belia Sakti dari Azrang Mengindera Kemala Sakti, raja dari pihak manusia yang akhirnya menerima sumpah menjadi kera. Ia hanya akan pulih setelah dibunuh atau dengan restu Isma Dewa.

Setelah tamat peperangan watak-watak protagonis kembali ke negeri utama, Desa Berangga Puri diiringi oleh bala tentera termasuk kaum raksaksa yang dipimpin oleh Syahrums Dewa Purba Daksa. Di sana diadakan pesta termasuk mengahwinkan watak-watak utama dengan puteri-puteri yang telah dijanjikan untuk mereka, termasuk para puteri dari raja-raja yang kalah. Namun raja dari pihak Jin masih merancang akan menebus kekalahannya. Itulah diutusnya Jin Qamar Jelus yang cukup sakti menculik watak utama. Babak inilah yang memulakan cerita ini yang berterusan hingga 393 halaman.

Jika rekonstruksi begini dapat diterima kita tidak lagi merasa kehilangan, walau sebanyak mana babak awal itu; kerana memang begitulah umumnya jalinan plot dalam cerita-cerita dari genre ini.

Kembali semula kepada catatan yang diberikan oleh pemunya atau penyimpan koleksi, memang benar teks ini mempunyai sifat-sifat yang indah dan menarik. Masih banyak aspek yang boleh dikaji secara terperinci dan mendalam. Kajian ini sendiri masih merupakan suatu permulaan.

#### RUJUKAN

- Abdul Samad Ahmad, 1987. *Hikayat Amir Hamzah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi. 1907, 1908. *Hikayat Abdullah*. Singapura: Malaya Publishing House. 2 jilid.
- Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi. 1965. *Kisah Pelayaran Abdullah*. Singapura: Malaya Publishing House.
- Brakel, Lode. 1971. On the Origins of the Hikayat. *RIMA (Review of Malayan and Indonesian Affairs)* 13 no. 2: 1-33.
- Brakel, Lode F. 1975. *The Hikayat Muhammad Hanafiah - A Medieval Malay-Muslim Romance*, Bibliotheca Indonesica. The Hague.
- Bausani, A. 1962. Notes on the Structure of the Classical Malay Hikayat. Diterjemahkan oleh Lode F. Brakel (1978).  
Paper no. 16 Center of Southeast Asian Studies, Monash University.
- Ronkel, Ph.S van. 1895. *De Roman van Amir Hamza*. Disertasi Ph.D Leiden.
- Teeuw, A. 1966. *Syair Ken Tambuhan*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Teeuw, A. 1967. Malay Manuscripts in the Library of Congress, *BKI*, 123, iv: 517-519.
- Teeuw, A dan Wyatt, D. K. 1970. *Hikayat Patani: History of Patani*. The Hague.
- Vanstedt, R. O. 1969. *A History of Classical Malay Literature*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.